

Kesepakatan PETRONAS dan PETROS kemenangan diplomasi, bukan dominasi



Prof Madya di Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

oleh Dr Mohd Na'im Apis
bhrencana@bh.com.my

Pada 21 Mei lalu, satu detik penting tercipta apabila Putrajaya dan Sarawak mencapai kesepakatan bersejarah untuk menyelesaikan pertikaian antara Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) dan Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) secara rundingan.

Melalui Pernyataan Bersama ditandatangani Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Openg, ia memperlihatkan kematangan pemimpin negara menguruskan isu kompleks Persekutuan-negeri melalui jalan diplomatik berhemah.

Pertikaian antara PETRONAS dan PETROS bukan sekadar soal teknikal korporat kerana ia juga menguji struktur federalisme Malaysia. Tuntutan Sarawak untuk menguasai sepenuhnya tarikan gas asli berdasarkan Ordinan Pengagihan Gas 2016 telah mencabar status quo pengurusan tenaga nasional yang selama ini didominasi PETRONAS melalui Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA 1974).

Kemuncaknya, PETROS memfailkan saman terhadap PETRONAS pada Oktober 2024, sekali gus memburukkan persepsi pelabur terhadap kestabilan dasar di Malaysia.

Dalam menghadapi kemungkinan krisis Persekutuan-negeri, Perdana Menteri mengambil pendekatan rundingan pragmatik. Tanpa memperbesarkan polemik, beliau menghubungi Abang Johari di London, menandakan komitmen segera arah penyelesaian. Beliau turut menggesa semua pihak menangguhkan kenyataan awam yang berpotensi memanaskan suhu politik demi menjaga kepentingan nasional.

Langkah ini bukan sahaja berjaya meredakan ketegangan, malah mempamerkan keupayaan Ke-

rajaan Perpaduan mengurus krisis antara entiti besar negara.

Hasilnya, pada 9 Mei lalu, kedua-dua pihak bersejua secara prinsip dan seterusnya memeterai Pernyataan Bersama pada 21 Mei.

Capaian diplomasi federalisme melalui

Pernyataan Bersama ini mencerminkan semangat federalisme inklusif dan menghormati keunikan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Antara elemen penting dipersetujui kedua-dua pihak termasuk:

● Pengiktirafan Dwi-Undang-Undang:

Semua undang-undang Persekutuan dan Sarawak berkaitan pengagihan gas diiktiraf secara bersama dan perlu dihormati semua pihak.

● Peranan Perlu Dua Gergasi Tenaga

PETRONAS kekal menjalankan fungsi mengikut PDA 1974, manakala PETROS diiktiraf sebagai agregator gas domestik Sarawak bermula 1 Mac 2025.

● Kemajuan Perjanjian Sedia Ada

Perjanjian gas asli cecair (LNG) sedia ada antara PETRONAS dan pihak ketiga tidak akan terjejas.

● Kerjasama Strategik Baharu

Ia termasuk penyaluran gas sebanyak 1.2 bilion kaki padu sehari dan kerjasama dalam tenaga hijau, hidrogen dan penjana elektrik.

Pertikaian PETRONAS-PETROS sebelum ini menjejaskan keyakinan pelabur. Ia terbukti apabila syarikat gergasi seperti ConocoPhillips menarik diri daripada projek Salam-Patawali bernilai RM13.7 bilion.

PTTEP Thailand turut menangguhkan projek gas Lang Lebah bernilai AS\$6 bilion, sementara Shell mendapatkan perintah mahkamah interim akibat ketidakpastian bekalan. Semua ini memberi isyarat konflik berkenaan memberi impak kepada pelaburan tenaga negara.

Namun dengan kejayaan rundingan ini, mesej jelas dihantar kepada komuniti pelabur bahawa

Malaysia masih kompeten, stabil dan mampu menyelesaikan pertikaian dalam dengan berhemah dan berdasarkan prinsip undang-undang serta kesepakatan politik.

Paling menonjol ialah ucapan Perdana Menteri menekankan hasrat strategik menjadikan Sarawak sebagai hab tenaga untuk rantau ASEAN.

Beliau menyebut: "Jadi persefahaman kita lakukan ini adalah memastikan pergerakan PETRONAS diteruskan dan peranan PETROS di Sarawak diiktiraf dan kedua-duanya bekerja berganding bahu mengagihkan martabat negara melalui industri minyak dan gas dan hiliran, hulu dan beberapa kegiatan *alternative energy* dibicarakan dan tentunya seperti mana yang kita catat dalam kenyataan kita, PETRONAS bersama, selain daripada menyatakan Sarawak serta menandakan Sarawak sebagai hab permulaan bagi ASEAN. Jadi, bagi saya itu pendekatan sangat realistik akan memberikan kemenangan kepada negara dan keberhasilan dan mengangkat kedudukan ekonomi Sarawak".

Ini menunjukkan penyelesaian ini bukan sahaja berjaya menamatkan konflik domestik, malah meletakkan Sarawak sebagai penggerak utama di rantau ini selaras dengan aspirasi tenaga serantau dan transformasi hijau.

Sarawak kini berada di ambang kebangkitan ekonomi baharu sebagai pemain utama tenaga serantau. Peranan PETROS yang diperluas bukan sahaja memberikan Sarawak lebih kuasa autonomi, tetapi pencetus kepada pembangunan tenaga boleh diperbaharui dan infrastruktur gas domestik.

Ini selari dengan aspirasi Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang menuntut keadilan dan pengiktirafan terhadap sumbangan negeri kepada ekonomi negara.

Perdana Menteri membuktikan rundingan, bukannya konfrontasi, mampu menjadi jalan keluar kepada krisis terprofil tinggi. Ketegangan beliau mempertahankan kedaulatan undang-undang Persekutuan sambil menghormati semangat autonomi negeri memperkukuh keyakinan rakyat dan pelabur.

Langkah ini juga mengelak potensi percanggahan kehakiman yang boleh menghakik asas Persekutuan dan mengheret negara ke kancas krisis politik, ekonomi dan perundangan.

Penyelesaian isu PETRONAS-PETROS adalah kemenangan diplomatik dan pelajaran penting mengurus konflik federalisme di Malaysia. Ia memperlihatkan kebijaksanaan kepemimpinan Perdana Menteri menyatukan semula naratif negara, iaitu kekuatan Malaysia bukan terletak kepada siapa lebih dominan, tetapi siapa sanggup duduk semeja demi masa depan bersama.

Melalui langkah ini, Malaysia bukan sahaja menyelamatkan potensi pelaburan berbilion ringgit dalam sektor tenaga, tetapi berjaya memperkukuh institusi federalisme yang selama ini menjadi tunjang negara berbilang negeri ini.

Penyelesaian secara rundingan ini bukan sahaja menjamin kelangsungan projek tenaga di Sarawak malah mengukuhkan perpaduan nasional. Model penyelesaian ini harus dijadikan rujukan bagi sebarang konflik Persekutuan-negeri lain.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Anwar bersama Abang Johari pada Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman dan Pernyataan Bersama dalam mencapai penyelesaian antara PETRONAS-PETROS di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, baru-baru ini.